



HongLeong Bank



HongLeong Islamic Bank

ضوئي اسلامي بنك

PROMOSI PENGURANGAN CEK BAGI PEMEGANG AKAUN SEMASA INDIVIDU - STOP THE CHEQUES & GO ONLINE

Dikemaskini pada 01^{hb} April 2017

TEMPOH PROMOSI

“Stop the Cheques & Go Online” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) [secara kolektif dan kemudian daripada ini disebut “Bank”] bermula pada **01^{hb} April 2017** dan berakhir pada **31^{hb} Julai 2017**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT (“Terma & Syarat”)

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada pelanggan individu terpilih termasuk warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang merupakan Pemegang Akaun Utama Akaun Semasa Konvensional dan Islamik berikut (“Akaun Sertaan”) yang telah menerima Mel Terus (“DM”) dan/atau Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) daripada Bank (“Pemegang Akaun Layak”):
 - (a) Akaun Semasa Asas Hong Leong
 - (b) Akaun Semasa Hong Leong
 - (c) Akaun “Pay&Save” Hong Leong
 - (d) Akaun “Top Yield” Hong Leong
 - (e) Akaun “One” Hong Leong
 - (f) Akaun “Flexi One” Hong Leong
 - (g) Akaun “Smartlink” Hong Leong
 - (h) Akaun Semasa-i Asas Hong Leong
 - (i) Akaun Semasa-i Hong Leong
 - (j) Akaun “One-i” Semasa Hong Leong

Pemegang Akaun Layak berkewajipan memastikan bahawa alamat pos dan/atau nombor telefon bimbit yang didaftarkan dengan Bank adalah betul dan kemas kini untuk menerima DM dan/atau SMS, dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika sekiranya DM dan/atau SMS itu tidak diterima oleh Pemegang Akaun Layak atas apa jua sebab sekalipun.

Pemegang Akaun Layak yang tidak menerima DM dan/atau SMS dianggap tidak layak menyertai Promosi ini dan Bank tidak akan melayani sebarang pertikaian berkenaan ketidakterimaan DM dan/atau SMS oleh Pemegang Akaun Layak.

Bagi mengelakkan keraguan, semua Akaun Sertaan yang dinyatakan dalam Fasal 1 layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

2. Promosi ini **TIDAK** terbuka kepada pelanggan Perbankan Peribadi HLB, pelanggan bukan individu termasuk empunya tunggal, persatuan, perkongsian dan amalan profesional termasuk syarikat dan badan korporat.
3. Pemegang Akaun Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada Bank atau institusi kewangan lain atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.

KAEDAH PROMOSI

Hadiah Wang Tunai Ringgit Malaysia Lapan Ratus (RM800) (“Hadiah Wang Tunai”)

4. Pemegang Akaun Layak mestilah memenuhi kriteria berikut semasa Tempoh Promosi untuk berpeluang memenagi Hadiah Wang Tunai:
 - (a) Pengeluaran cek **SIFAR (0)**; DAN
 - (b) Melakukan minimum **satu (1)** transaksi kewangan perbankan internet seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 5 di bawah setiap bulan
(Fasal 4(a) dan (b) secara kolektif disebut “Kriteria Promosi”).
5. Transaksi kewangan perbankan internet seperti tersenarai di bawah kecuali bagi pemindahan dana sedia ada akaun/-i sendiri di dalam Bank.

No.	Transaksi Kewangan Perbankan Internet
1	Pindahan Dana Akaun Semasa dan/atau Simpanan
2	Pembayaran Kad Kredit
3	Pembayaran Pinjaman
4	GIRO Antara Bank (“IBG”)
5	Pindahan Segera
6	Pembayaran Bil
7	Tambah Nilai Prabayar
8	Epay dan Financial Process Exchange (“FPX”)
9	Bayaran Ekspres (PEx)
10	Pengeluaran Tanpa Kad
11	E-Will
12	Tambah Nilai Kad Debit Junior
13	PEx+
14	Tambah Nilai Prabayar Telefon Bimbit
15	Peletakan Deposit Tetap-E
16	Pengeluaran Deposit Tetap-E
17	Pindahan Luar Negara
18	E-Dagang

6. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan bilangan terkumpul transaksi kewangan perbankan internet yang tertinggi dibuat semasa Tempoh Promosi, tertakluk kepada memenuhi Kriteria Promosi (“Pemenang”).
7. Terdapat **satu ratus (100)** Pemenang dan setiap Pemenang hanya akan mendapat satu Hadiah Wang Tunai tanpa mengira bilangan Akaun Sertaan yang dimilikinya dengan Bank.
8. Jumlah pembayaran Hadiah Wang Tunai adalah **Ringgit Malaysia Lapan Puluh Ribu (RM80,000)** sepanjang Tempoh Promosi.
9. Pendaftaran penyertaan tidak diperlukan.
10. Bank akan menjelaki kelayakan Pemenang secara automatik pada akhir Tempoh Promosi berdasarkan Kriteria Promosi yang dipenuhi, sepetimana tercatat dan terpapar dalam sistem Bank.
11. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemaparan dalam Akaun Sertaan Pemegang Akaun Layak tentang transaksi kewangan perbankan internet berkenaan yang mungkin menyebabkan Pemegang Akaun Layak dihalang daripada memenangi / menerima Hadiah Wang Tunai bagi Promosi ini.



HongLeong Bank



HongLeong Islamic Bank

موعظ لیوگ اسلامیک بانک

12. Seandainya berlaku seri, langkah-langkah seperti berikut akan diambil untuk menentukan Pemenang (menurut susunan keutamaan):
 - (i) Pengeluaran cek sifar (0);
 - (ii) Bilangan terkumpul transaksi kewangan perbankan internet dibuat semasa Tempoh Promosi; dan
 - (iii) Baki Purata Harian Tertinggi (“DAB”) seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 14 di bawah.
13. Bagi Pemegang Akaun Layak yang mempunyai berbilang Akaun Sertaan, transaksi kewangan perbankan internet yang dibuat atas setiap Akaun Sertaan akandigabungkan untuk menjumlahkan keseluruhan transaksi kewangan perbankan internet Pemegang Akaun Layak sepanjang Tempoh Promosi.
14. DAB ditakrifkan sebagai hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Promosi, dibahagi dengan bilangan hari Tempoh Promosi.
 - (a) Akaun Sertaan Sedia Ada dibuka sebelum 01^{hb} April 2017
$$DAB = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Promosi}}{\text{Bilangan hari sepanjang Tempoh Promosi}}$$
 - (b) Akaun Sertaan Baharu dibuka semasa Tempoh Promosi
$$DAB = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Promosi sejak akaun dibuka}}{\text{Bilangan hari Tempoh Promosi sejak akaun dibuka}}$$
15. Akaun Sertaan Pemenang mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** dari **01^{hb} April 2017** hingga **31^{hb} Oktober 2017** bagi tujuan pengkreditan Hadiah Wang Tunai, jika tidak, Pemenang akan terlucut kelayakan dan Hadiah Wang Tunai akan dilupuskan.
16. Hadiah Wang Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan Pemenang tidak lewat dari **31^{hb} Oktober 2017**.
17. SMS akan dihantar kepada Pemenang sebaik sahaja Hadiah Wang Tunai telah dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan, iaitu tidak lewat dari **31^{hb} Oktober 2017**.
18. Pemegang Akaun Layak yang tidak menerima pemberitahuan tersebut melalui SMS daripada Bank selewat-lewatnya **31^{hb} Oktober 2017** dianggap **BUKAN** Pemenang.
19. Bagi Pemenang yang mempunyai pelbagai Akaun Sertaan, Hadiah Wang Tunai akan dikreditkan ke dalam hanya **satu (1)** Akaun Sertaan berdasarkan susunan berikut dan sebarang arahan daripada Pemenang kepada Bank untuk mengkreditkan Hadiah Wang Tunai dengan cara yang berlawanan dengan susunan ini tidak akan dilayani:
 - (a) Akaun “Pay&Save” Hong Leong
 - (b) Akaun “Top Yield” Hong Leong
 - (c) Akaun “One” Hong Leong
 - (d) Akaun Semasa Hong Leong
 - (e) Akaun Semasa Asas Hong Leong
 - (f) Akaun “Flexi One” Hong Leong
 - (g) Akaun “Smartlink” Hong Leong
 - (h) Akaun Semasa-i Hong Leong
 - (i) Akaun Semasa “One-i” Hong Leong
 - (j) Akaun Semasa Asas-i Hong Leong
20. Senarai Pemenang juga akan disiarkan dalam Laman Web HLB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”), dan/atau Laman Web HLISB di www.hlisb.com.my (“Laman Web HLISB”) atau apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank tidak lewat dari **31^{hb} Oktober 2017**.
21. Pemenang bertanggungjawab memberitahu Bank melalui surat tidak lewat dari **30^{hb} November 2017** jika tidak menerima Hadiah Wang Tunai, jika gagal berbuat demikian, maka Pemenang akan dianggap telah menerima Hadiah Wang Tunai itu daripada Bank.



22. Bank tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan melayani sebarang Hadiah Wang Tunai yang tidak dituntut selepas arahan tertentu yang diberi dalam Fasal 21 di atas.
23. Pemenang dengan ini memberi keizinan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan atau menyatakan namanya, nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung) atau foto dalam bahan media, pemasaran atau pengiklanan untuk tujuan Promosi ini.

UMUM

24. Perkhidmatan DM bagi Promosi ini disediakan dan disokong oleh Compugraphic Media Sendirian Berhad (505090-W) ("Compugraphic"), vendor percetakan yang dilantik secara rasmi oleh Bank. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Akaun Layak dengan ini memberi keizinan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nama dan alamat kepada Compugraphic untuk tujuan Promosi.
25. Perkhidmatan SMS bagi Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech"), vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Akaun Layak dengan ini memberi keizinan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nama dan nombor telefon bimbit kepada M3Tech untuk tujuan Promosi ini.
26. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Akaun Layak:
 - (i) Membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi;
 - (ii) Bersetuju bahawa Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan Terma dan Syarat Connect yang mengawal transaksi kewangan perbankan internet, atau apa-apa terma dan syarat berkenaan yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa, hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan jika terdapat sebarang percanggahan;
 - (iii) Bersetuju bahawa Hadiah Wang Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barang;
 - (iv) Bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Akaun Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani; dan
 - (v) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dan/atau Laman Web HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
27. Bank mempunyai hak untuk:
 - (i) Menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggantian Hadiah Wang Tunai dengan tawaran lain atau produk yang sama nilainya menurut budi bicara mutlak Bank, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh Bank, untuk memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender kepada Pemegang Akaun Layak;
 - (ii) Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Akaun Layak atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar menurut budi bicara mutlak Bank daripada menyertai Promosi dan/atau layak mendapat Hadiah Wang Tunai; dan
 - (iii) Melupuskan Hadiah Wang Tunai bagi mana-mana Pemegang Akaun Layak / Pemenang jika sekiranya Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi.

Dengan syarat setakat mana perkara itu berkaitan dengan akaun Islamik, maka pelaksanaan hak-hak itu hendaklah mematuhi prinsip hukum Shariah, sepertimana ditentukan oleh Bank.

28. Pemegang Akaun Layak akan bertanggungjawab dan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
29. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.



HongLeong Bank



HongLeong Islamic Bank

هونغ ليونج إسلامي بنك

30. Perkataan yang menandakan satu gender adalah termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal adalah termasuk jamak dan *begitulah sebaliknya*.